

# " 33 ORANG PELAJAR UMSKAL SERTAI K-POP 2012"

Disediakan oleh : Norhana Bte Nordin

Seksyen Latihan, Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), UMS baru-baru ini telah mengadakan Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar atau K-POP di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

Program yang disertai oleh seramai 33 orang pelajar dari UMSKAL ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang perkara-perkara yang perlu ada kepada seorang pemimpin dan pengurus. Selain itu, program ini juga adalah untuk pelajar mengetahui kaedah-kaedah pengurusan organisasi pelajar serta mengetahui tatacara penubuhan sesebuah badan pelajar khususnya di UMS. Kursus ini adalah aktiviti tahunan khusus untuk pemimpin pelajar di UMSKAL yang telah dirancang serta ditakwim sedari awal menekankan kaedah dalam pengurusan organisasi pelajar agar tatacara kepimpinan yang dibawa lebih berstruktur dan teratur.

Malah peserta akan diketengahkan juga kepentingan melibatkan diri dalam kepimpinan pelajar sebagai salah satu

medan latihan dalam mengurus aktiviti dan program yang dianjurkan. Sesungguhnya penyertaan dalam kepimpinan pelajar tidak kira dari peringkat mana sekalipun akan memberikan ilmu yang berguna apabila meninggalkan dunia universiti. Kursus ini merupakan Kursus kali kedua dan pertama yang diadakan di UMSKAL dan dikhaskan kepada mahasiswa UMSKAL sahaja. Sebelum itu, kursus ini telah dilaksanakan di UMS Induk pada 29

Februari 2012 lalu di Bangunan Anjung Siswa, UMS dan disertai seramai 43 orang pelajar.

Kursus ini juga bakal diadakan di UMS Kampus Sandakan pada 30 Mac 2012. Kursus ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama Penolong Pendaftar Kanan, HEP UMSKAL; Puan Norhanizah Adnan yang juga penceramah pada hari tersebut.



Peserta Kursus bergambar bersama pegawai-pegawai HEP, UMS induk dan UMSKAL